

Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Kolaborasi dengan Menggunakan ICT

Mohamed Izzat Mohamed Sarip


mohamed_izzat_mohamed_sarip@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Elias Park

Abstrak

Murid-murid didapati mempunyai kesukaran bertutur dan kurang berkeyakinan ketika memberi pendapat, komen atau penilaian dalam bahasa Melayu. Perkara ini sering menghambat pembelajaran yang dijalankan secara kolaborasi. Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan pembelajaran secara berkolaborasi dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid. Kajian yang dilaksanakan dengan empat fasa ini menggunakan *Blendspace* sebagai wahana utama kajian. Kaedah temu bual dan borang maklum balas digunakan untuk mengumpul data. Kajian ini juga melibatkan 19 orang murid Darjah 5. Dapatan kajian menunjukkan kesan yang positif ke atas pembelajaran dan sikap murid serta menegaskan akan keperluan sistem sokongan dalam pembelajaran murid.

Kata Kunci: kolaborasi, *Blendspace*, kemahiran berkomunikasi, penilaian,




PENGENALAN

Literasi digital dibina berdasarkan tiga prinsip utama iaitu pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer, keupayaan memahami kandungan media dan kemampuan menggunakan teknologi digital. Kajian yang dijalankan berteraskan konsep penerapan selaras dengan konteks kemahiran abad ke-21. Literasi digital dalam konteks kemahiran abad ke-21 membawa maksud keupayaan pengguna menggunakan kemahiran tersebut dengan cekap dan berkesan. Pembelajaran secara kolaboratif dan sendiri juga merupakan antara fokus Kementerian Pendidikan dalam IT Masterplan 3 (MOE, 2008).


Melalui penggunaan laman *Blendspace*, murid dapat menjalani proses pembelajaran secara inklusif seperti memberi pendapat mengenai bahan-bahan pengajaran yang dimuatnaikkan oleh guru. Perisian ini juga membolehkan guru memuatnaikkan bukan sahaja bahan-bahan pengajaran peribadi bahkan juga dari Internet secara langsung. Selain itu, perisian *Blendspace* juga membolehkan murid mengambil bahagian dalam perbincangan dalam kelas mengenai topik yang guru berikan sama ada dalam bentuk keratan akhbar, video atau latihan bahasa.

Kemampuan murid dalam mengaplikasikan perbincangan melalui perisian ini secara tidak langsung dapat memastikan pelibatan semua murid serta guru. Dengan adanya kemudahan komputer riba dan Internet, guru dan murid dapat menggunakan komputer dalam perbincangan kelas secara langsung. Guru juga dapat meninjau kemampuan murid berkomunikasi dan berkolaborasi dalam bidang literasi maklumat, literasi media dan literasi teknologi. Pendedahan ini membolehkan murid berfikir secara kritikal semasa membuat kajian mudah melalui literasi digital. Apabila murid terlibat dalam perbincangan dalam bilik darjah bersama guru dan rakan-rakan, mereka dapat berkomunikasi dalam satu situasi yang berfokus sekaligus menghasilkan pendidikan secara inklusif.

Bloom (1956) telah memperkenalkan satu hierarki kognitif yang disusun dari aras rendah hingga ke aras tinggi. Sila rujuk Rajah 1.



Rajah 1: Taksonomi Bloom




Anderson, LW & Krathwohl, D.R. (2001)

Menurut Anderson dan Krathwohl (2001), penyesuaian pada taksonomi yang asal perlu untuk memberi murid peluang mengasah kemahiran berfikir secara kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif melalui perisian ini bermakna murid dapat berkongsi, menilai, membuat kaitan, memberikan pandangan dan pendapat serta menggabungkan pelbagai maklumat yang relevan.

PERNYATAAN MASALAH

Murid secara amnya didapati menghadapi kesukaran bertutur dan kurang berkeyakinan dalam memberi pendapat, komen dan penilaian dalam bahasa Melayu. Ini merupakan suatu keterbatasan dalam mengendalikan pengajaran secara kolaborasi ini. Informasi yang pelbagai dan mengelirukan dan ketidakupayaan guru merancang tugas kolaborasi bagi setiap murid merupakan punca kepada kesukaran yang dihadapi oleh murid. Oleh itu, dengan penggunaan laluan ini, murid diharapkan dapat memberikan komen atau penilaian tanpa berasa malu atau berasa dalam keadaan tertekan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. meninjau keberkesanan pembelajaran kolaborasi dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid;
2. keberkesanan penggunaan ICT sebagai sistem sokongan dalam mencungkil kemahiran pemahaman dan penilaian murid dalam pembelajaran; dan
3. meningkatkan motivasi murid dan memberikan ruang untuk mempelbagaikan bentuk dan corak aktiviti pembelajaran.

KAJIAN LEPAS

Integrasi ICT dalam pembelajaran semakin mendapat perhatian guru sejajar dengan perkembangan teknologi yang kian meluas. Guru perlu membuat perancangan dengan teliti sebelum memulakan integrasi ICT dalam konteks pengajaran dan kurikulum. Guru perlu bijak memilih kaedah ICT yang sesuai bagi mencapai objektif pengajaran, mengubah suai bahan pembelajaran yang sedia ada ataupun dalam membangunkan persekitaran yang kondusif bagi memastikan pelibatan secara aktif murid dalam pembelajaran. Hal yang serupa telah ditekankan oleh Kagan (1991).

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994) mendefinisikan kolaborasi sebagai pelibatan dalam sesuatu hal atau hubungan antara dua atau lebih individu. Cook dan Friend (2001) pula mendefinisikan kolaborasi sebagai satu gaya perhubungan secara langsung antara dua kumpulan yang bersetuju membuat keputusan untuk mencapai matlamat yang sama. John Steiner (2000) menggambarkan pola kerjasama kolaborasi dari aspek peranan, hubungan, nilai dan cara kerja sebagai 'creative collaboration' yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Menurut Woodruff dan Brett (1993), komunikasi bertulis akan lebih efektif jika bergabung dengan komunikasi bersemuka kerana komunikasi sedemikian memerlukan pemikiran secara ekstensif. Newman, Webb, dan Cochran (1997) menjelaskan bahawa proses penulisan menggalakkan murid membuat refleksi yang dapat membantu meningkatkan tahap pembelajaran seperti menganalisis, mensintesis, menilai dan juga menimbulkan pemikiran yang lebih jelas.



Kozma (2008) pula menyenaraikan teknologi dan media literasi sebagai kemahiran abad ke-21 yang amat diperlukan oleh setiap pelajar bagi persediaan memasuki alam pekerjaan. Antara kemahiran-kemahiran yang disebutkan adalah memilih alat-alat ICT yang sesuai, menggunakan alat-alat ini untuk menilai dan berkomunikasi dengan efektif secara lisan serta penyampaian menggunakan multimedia.

Menurut Jonassen et al. (2008), murid menggunakan teknologi untuk belajar dengan lebih bermakna. Bukan saja belajar dari teknologi semata-mata tetapi belajar berfikir tentang apa yang mereka lakukan, apa yang dilakukan orang lain dan berfikir tentang proses pemikiran mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di kawasan timur Singapura. Kaedah wawancara dan penggunaan borang maklum balas ini dipilih kerana metodologinya yang fleksibel dan memberi guru ruang untuk membuat pengubahsuaian sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dirancang pada latar dan fokus kajian.


Subjek Kajian

Subjek yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 19 orang murid Melayu Darjah 5. Murid-murid ini mempunyai kebolehan dan kecekapan bahasa yang pelbagai.

Sampel pertama yang dipilih merupakan murid dalam kategori lemah atau '*slow learners*'. Murid dalam kategori ini merupakan murid yang pasif dan menghadapi masalah keyakinan diri serta tidak begitu mahir dalam literasi digital.

Sampel kedua pula merupakan kategori murid yang mempunyai keupayaan bertahap sederhana atau MA (*Middle Ability*) yang mengalami kesukaran dalam berkomunikasi bersama rakan sebaya, namun agak mahir dalam kemahiran literasi digital.

Sampel ketiga merupakan murid yang mempunyai keupayaan bertahap tinggi atau HA (*High Ability*) yang suka menyendiri dan mengalami kesukaran mengawal emosi. Sistem sokongan yang dicadangkan adalah berdasarkan



model Kagan (1991).

Prosedur Kajian

Program ini dilaksanakan selama kira-kira lima minggu bermula pada bulan Ogos 2017 hingga awal September 2017. Keseluruhan program ini dibahagikan kepada empat fasa.

1. Fasa Pertama (Minggu 1)


Fasa ini merupakan fasa perancangan awal yang dimulai dengan perbincangan dan pengenalan kepada laman '*Blendspace*'. Ini diikuti dengan penyelarasan program yang dilaksanakan seperti penggunaan e-mel untuk memasuki laman yang dimaksudkan dan bahan-bahan yang boleh dimuatnaikkan dalam projek yang diberi guru seperti klip video, slaid *PowerPoint* dan gambar-gambar untuk dijadikan bahan perbincangan.

2. Fasa Kedua (Minggu 2)


Fasa ini dimulakan dengan menjalankan bengkel di makmal bagi tujuan pelaksanaan program ini dan juga bagi memantapkan lagi pelaksanaan program ICT yang akan dijalankan. Guru memulakan perbincangan kolaborasi berkenaan klip video yang memaparkan lakonan murid dalam perbincangan lisan. Berdasarkan klip video, murid berbincang dan menaip respons mereka. Murid juga dapat memberikan pendapat yang bernas dalam keadaan yang kurang tertekan.

3. Fasa Ketiga (Minggu 3)


Fasa ini adalah pelaksanaan program yang melibatkan penyediaan tapak projek, persembahan dan perbincangan melalui pemerhatian serta soal selidik dalam bilik darjah. Contoh projek adalah persiapan perkataan atau frasa yang sesuai untuk gambar-gambar bagi karangan gambar bersiri yang dimuatnaikkan ke dalam laman *Blendspace*. Rajah 2 dan 3 adalah contoh-contoh tugasan murid yang dinaikmuatkan ke dalam laman *Blendspace*.



Rajah 2: Contoh Pembinaan Bahan dalam Lelaman *Blendspace*




Rajah 3: Contoh Tugas untuk Murid dalam Bentuk Karangan Bergambar



4. Fasa Keempat (Minggu 4-5)

Fasa ini ialah fasa peninjauan kemahiran-kemahiran ICT dengan memuatnaikkan bahan-bahan akhbar atau klip video untuk perbincangan



dalam bilik darjah. Guru bertindak sebagai pemerhati dan fasilitator.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan dari aspek keyakinan diri murid. Murid didapati berupaya memberikan pendapat atau respons semasa pembelajaran dengan lebih yakin. Pembelajaran dalam bilik darjah juga amat positif dan memberangsangkan. Melalui pemerhatian, guru mendapati bahawa wujud satu trend di mana murid lebih cenderung dengan pembelajaran dalam talian ini. Lebih-lebih lagi, perisian ini telah digunakan sebagai salah satu kaedah pembelajaran di rumah atau lebih dikenali dengan istilah '*Home Based Learning*'. Keterlibatan setiap murid dalam penggunaan perisian itu juga amat menyeluruh.

Kerjasama antara guru dengan murid juga lebih sistematik. Wujud sikap positif dalam kalangan murid semasa pelaksanaan projek penggunaan l laman '*Blendspace*' ini. Terdapat kecenderungan murid untuk memberi komen, mencari bahan dan memberi saranan ketika berbincang. Pelantikan beberapa orang murid sebagai pentadbir laman ini juga melahirkan sikap bertanggungjawab dalam mengendalikan laman ini dengan bimbingan guru.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati keterlibatan setiap murid dalam pembelajaran dalam suasana dan persekitaran pembelajaran dalam talian adalah lebih aktif.

Jadual 1: Keputusan Pencapaian dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun

Pertengahan tahun	Kertas 1	Lisan	Kertas 2	Kefahaman Mendengar
Jumlah murid yang menduduki peperiksaan	19	19	19	19
Kuantiti kelulusan (50% dan ke atas)	100%	100%	100%	100%
Kualiti kelulusan (50% dan ke atas)	26%	58%	58%	89%




Akhir tahun	Kertas 1	Lisan	Kertas 2	Kefahaman Mendengar
Jumlah murid yang menduduki peperiksaan	19	19	19	19
Kuantiti kelulusan (50% dan ke atas)	100%	100%	100%	100%
Kualiti kelulusan (50% dan ke atas)	60%	84%	28%	100%

Jadual 2: Peratusan Kelulusan Kuantitatif dan Kualiti Murid

Perkara	SA1	SA2	SA1	SA2	SA1	SA2	SA1	SA2
	Kertas 1	Kertas 1	Kertas 2	Kertas 2	Lisan	Lisan	Kef Men	Kef Men
Peratusan kuantiti kelulusan kuantitatif (markah 50% ke atas)	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Peratusan kualiti kelulusan (75% ke atas)	26%	28%	58%	60%	58%	84%	89%	100%

KESIMPULAN

Penghasilan jalinan kolaborasi dan pembinaan sistem sokongan melalui laman *BlendSpace* banyak memberi manfaat kepada murid dalam pembelajaran yang



berpusatkan kemahiran literasi digital dan kemahiran berfikir dan berinteraksi.

Sokongan daripada guru dan ibu bapa dalam mengendalikan laman ini dapat melahirkan murid yang lebih berkeyakinan diri dan lebih cenderung memberikan pendapat dalam sesuatu perbincangan dalam situasi yang kurang tertekan. Kolaborasi antara ibu bapa dan guru juga dapat menambah keberkesanan pembelajaran dan mempertingkatkan kemahiran murid. Apabila terbentuknya kolaborasi antara murid, guru dan ibu bapa, akan wujudlah perkongsian maklumat bagi mengoptimumkan perkembangan dan pendidikan murid baik di sekolah ataupun di rumah. Kolaborasi bukan sahaja akan menjadi penentu kepada kejayaan program intervensi, tetapi juga akan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid dalam abad teknologi ke-21 hari ini.

RUJUKAN

Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (Eds). (2001). *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives: Complete edition*. New York: Longman.

Benjamin Bloom (1956). *Taxonomy of educational objectives*. Boston USA: Allyn & Bacon.

Butler, J., Biggs (1993). *British Journal of Education Psychology*, 63, 3-19

Chen, D.T., Hsu, J.F., dan Hung, D. (2000). Learning Theories and IT: The Computer as a Tool. Dalam M.D. Williams (Ed.), *Integrating Technology into Teaching and Learning – Concept And Applications* (pp. 185-201). Singapore: Prentice Hall.

Habermas, J. (1970). *Towards a rational society: Student protest, science and politics* (Jeremy J Shapiro, Trans.). Boston: Beacon press

Kozma, Robert B., (2008). *ICT, Education Reform and Economic Growth: A Conceptual Framework*, Intel Corporation, US.

Jonassen, D., Howland, J., Marra, R.M. and Crismond, D., (2008). *Meaningful Learning with Technology*. New Jersey, USA: Pearson Prentice Hall.



Fisher, D, and Frey, N. (2008). Better Learning Through Structured Teaching: A Framework for the Gradual Release of Responsibility. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).

